



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Sembahyang Jenazah

Hāji Aḥmad Bin Hāji Sālim, Kampung Behrang Ulu,

Tanjung Malim bertanya:

- (1) Apakah sebabnya sembahyang mayat tidak seperti sembahyang yang lain mempunyai rukuk dan sujud?
- (2) Zaman manakah turun hukum Allah Ta‘ālā menyuruh sembahyang bagi mayat; dan siapakah yang mula-mula Rasulullah menyembahyangkannya?
- (3) Apakah sebabnya empat takbir?

Jawab: Sebagaimana diketahui bahawa sembahyang mayat itu diadakan bukanlah kerana menyembahnya tetapi adalah ia semata-mata kerana mendoakan bagi si mati itu. Kerana itulah sembahyang mayat itu tidak mengandungi rukuk dan sujud- kerana rukuk dan sujud itu hanya ditentukan bagi Allah Yang Maha kuasa.

Keterangan menunjukkan bahawa sembahyang mayat itu sebagai doa bagi si mati didapati dalam suatu hadis yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah seperti ini:

‘An abī hurayrah qāla: Sami ‘tu Rasulullāh ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam qāla: idhā ṣallaytum ‘alā al-mayt fakhliṣūhum bi al-du‘a’.

Ertinya: Aku dengan Rasulullah (SAW) bersabda: “Apabila kamu sembahyangkan mayat maka berdoalah kamu baginya dengan ikhlas”.

Demikian juga kerana mustahaknya doa itu bagi si mati sehingga dua takbir yang akhir diuntukkan kerana

Peringatan: Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.

mendoakannya. (Takbir yang pertama baca Fatihah, yang kedua selawat atas Nabi, yang ketiga dan yang keempat mendoakan si mati).

Tentang soal yang kedua tidaklah payah diketahui kerana perintah tentang sembahyang kenazah itu satu perintah yang diturunkan kepada Nabi kita Muḥammad (SAW) dan menurut keterangan-keterangan yang sahih Nabi ada mengerjakannya semasa hidup beliau bersama sama dengan sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut beliau dan daripada masa itu menjadilah ia suatu hukum syarak yang wajib ditaati dan dikerjakan oleh orang-orang Islam sehingga bila-bila jua pun.

Ada pun berkenaan dengan sebabnya diperintahkan empat takbir -bahawa yang demikian ini adalah diperintahkan oleh syarak yang telah diijmakkan. Dalam pada itu sepanjang yang diketahui berkenaan bilangan takbir ini ada beberapa hadis yang menerangkan: Empat takbir, tiga, lima dan enam; tetapi hadis yang menerangkan bilangan sebanyak empat takbir adalah lebih kuat daripada hadis-hadis yang lain dan telah diijmakkan.

Sembahyang Asar

‘Arabī Bin Hāji Muḥammad, Econath Department, B. M. P. Company Limited Sirya Brunei bertanya: Apa hukumnya sembahyang Zuhur yang digabungkan dengan sembahyang Asar dan bukan untuk kadang-kadang atau sekali-kali tetapi adalah dilakukan dengan terus-terus- kerana bagi pekerja itu mesti turun bekerja tengah hari adalah belum masuk waktu